

AKTIVITI
KASSIM BAHALI (FOTO PENULIS)


Ekspedisi Gerhana Matahari Cincin

BATAM, 26 Disember 2019 – Sebanyak 43 orang ahli Persatuan Falak Syarie Negeri Melaka (PFSNM) mengadakan program ekspedisi gerhana Matahari Cincin 2019 di Masjid Agung Batam, yang terletak di Jalan Engku Puteri Kota Batam, Indonesia. Batam dipilih sebagai lokasi cerapan kerana Batam termasuk dalam laluan gerhana Matahari Cincin penuh dan tempoh gerhana ini berlaku ialah 3 minit 20 saat.

Pemerintah Kota Batam menjadikan masjid ini sebagai sebuah daripada lokasi cerapan dan solat gerhana Matahari di Batam. Program ekspedisi ini turut disertai oleh Kementerian Agama Indonesia dan

masyarakat tempatan. Di Batam, gerhana bermula pada pukul 10.17 pagi WIB (waktu Indonesia Barat), kemuncak gerhana pada pukul 12.24 tengah hari WIB dan berakhir pada pukul 2.18 petang WIB.

Selain Indonesia, laluan gerhana ini juga merentasi beberapa negara, iaitu bermula dari Semenanjung Arab, Oman, India, Sri Lanka, Malaysia dan Filipina. Objektif utama ekspedisi ini adalah untuk menghubungkan teori fenomena gerhana dengan cerapan di lapangan, merakamkan detik gerhana Matahari Cincin dan menghayati tanda kekuasaan Yang Maha Pencipta melalui fenomena gerhana Matahari.



Siri detik penuh gambaran gerhana Matahari Cincin.

Dalam ekspedisi ini, peserta begitu teruja apabila dapat melihat detik Matahari ditutupi oleh Bulan secara perlahan-lahan. Matahari kelihatan seperti sabit yang semakin halus dan apabila waktu kemuncaknya, Matahari kelihatan seperti bentuk cincin di tengah-tengah langit. Pemandangan ini sungguh menakjubkan kerana keadaan sekitar menjadi redup, tetapi tidak gelap kerana sebahagian kecil pinggir cakera Matahari masih kelihatan bercahaya. ☀

DEWAN KOSMIK BIL. 3 2020



Peserta ekspedisi teruja melihat gerhana Matahari di perkarangan Masjid Agung Batam.